

FPP

BizNewz

January - May 2024

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

USEFUL
INFORMATION
IN CHOOSING
ROBO-ADVISORY

Muscle

Memory!

Bunga Raya,
BUKAN BUNGA BIASA.

Gold

SECRET
OF DARTS

SAVING: 999 @ 916

AKU, DIA
NICU

SIRI 8



Publication Date
1 June 2024

AKU, DIA DAN NICU...

Siri 8

..... Kami akan ke NICU sekurang-kurangnya sekali sehari tetapi suamiku lebih kerap ke sana berbanding aku. Rutin ini berterusan sehinggalah.....
(dari Siri 7)

.....sehinggalah aku dibenarkan keluar dari wad. Pada saat aku dibenarkan pulang, kami sudah berkira-kira untuk mencari rumah sewa berhampiran hospital supaya kami selalu dapat mengunjungi anak kami. Namun rumah-rumah sewa yang dicari tidak sesuai, ada yang jauh, ada yang tidak bersih, ada yang mahal dan macam-macam isu lagi. Akhirnya kami membuat keputusan untuk berulang-alik dari Pasir Puteh ke Kubang Kerian setiap hari atau apabila ada keperluan.

Setiap kali lawatan ke NICU, kami selalu bertanya tentang tahap kesihatan anak kami daripada doktor atau jururawat yang bertugas dan kami mengambil peluang mendapatkan khidmat nasihat daripada doktor pakar pediatrik setiap kali mereka membuat lawatan ke NICU. Memandangkan keadaan anak kami yang masih kritikal dan tidak stabil, doktor menjangkakan yang dia akan berada di NICU untuk jangka masa yang agak lama. Walau bagaimanapun, ianya bergantung kepada tahap kesihatannya, berat badannya, penyusuan dan macam-macam faktor lagi yang perlu dipertimbangkan.

Oleh sebab itu, kami terpaksa menguruskan perpindahan sekolah anak-anak kami yang lain dari Dungun, Terengganu ke Pasir Puteh, Kelantan agar mereka tidak ketinggalan dalam pelajaran dan sekurang-kurangnya keluarga kami di Kelantan dapat membantu menguruskan mereka ketika kami terpaksa berulang ke hospital.

Banyak cabaran dan dugaan yang perlu kami tempuhi dalam tempoh tersebut. Alhamdulillah sistem sokongan dari keluarga, sanak saudara serta rakan-rakan banyak membantu kami dalam menempuhi dugaan yang besar ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas jasa dan kebaikan mereka dalam membantu serta memudahkan urusan kami ketika itu.

Masuk minggu kedua, keadaan anak kami masih kritikal tetapi mempunyai perkembangan yang positif. Suamiku gagahkan diri ke NICU setiap pagi selepas selesai menguruskan persekolahan anak-anak. Seperti biasa, rutinnya untuk menghantar bekal susu, menyuapkan susu serta ubat-ubatan melalui tiub, membacakan ayat-ayat suci Al-Quran, berbual sambil memberikan kata-kata semangat, membelai, mengurut dan macam-macam lagi sehinggakan aku tidak mampu menyatakan satu-persatu dalam coretan ini. Kebiasaannya suamiku akan memperuntukkan masa lebih kurang 1 jam hingga 2 jam untuk bersama dengan anak kami pada sesi pagi. Kemudian pada sesi petang, rutinnya membawa aku pula ke NICU untuk bersama-sama dengan anak kami. Begitulah rutin kami setiap hari. Sebagai ibu dan isteri, aku tidak mampu menjadi sekuat dan setabah suamiku dalam menguruskan anak kami di situ. Namun aku bersyukur dikurniakan suami yang bertanggungjawab dan sentiasa ada di sisi di saat susah dan senang kami sekeluarga.



Pada minggu kedua itu juga, secara tidak rasminya kami perlu memberikan nama kepada anak kami meskipun belum mendaftar di Jabatan Pendaftaran Negara. Memandangkan nama itu juga doa, maka kami telah sepakat untuk memberikan nama Ariq yang bermaksud kuat, bercahaya dan/atau menyinari. Mudah-mudahan anak kami terus kuat dan sihat, InsyaAllah.

Selain itu, kami juga diajar tentang Kangaroo Mother Care (KMC) atau Penjagaan Kaedah Kanggaru oleh doktor pakar pediatrik. KMC ini adalah salah satu rawatan untuk bayi pramatang dengan menggunakan sentuhan kulit ke kulit antara ibu dan bayi. Memandangkan Ariq dilahirkan pramatang pada minggu ke-34 dengan berat yang sangat rendah iaitu 1.1kg, kaedah ini sangat digalakkan bagi merangsang tumbesaran dan perkembangannya. Meskipun ianya dinamakan sebagai KMC namun bapa juga boleh terlibat sama. Jadi kami akan bergilir-gilir selama 30 minit sehingga 1 jam atau lebih bagi setiap sesi mengikut keperluan.



Saat yang menyentuh perasaan aku apabila dapat bertentang mata dengan Ariq ketika melakukan KMC. Ariq diletakkan betul-betul di atas dada di bahagian jantung aku supaya Ariq dapat merasakan degupan jantung aku dan ini membantu mengatur suhu badan, detak jantung dan pernafasannya. Malah kaedah ini juga menguatkan lagi ikatan emosi antara ibu dan bayi serta memberikan rasa aman dan mengurangkan tekanan kepada kami berdua. Di kesempatan itu juga, aku amalkan bacaan ayat kursi dan surah-surah lazim setiap kali KMC dibuat sambil berdoa agar diberi kesembuhan kepada Ariq. Kami dapat melihat hasil KMC ini dalam tempoh 2 hingga 3 hari. Doktor pakar dan jururawat memaklumkan yang bacaan tekanan darah, kadar pernafasan dan kadar oksigen juga semakin baik selepas kami kerap melakukan KMC tersebut. Kami sangat teruja dengan berita yang positif itu dan berazam untuk menjadikan ia rutin dan dilaksanakan sekerap mungkin setiap kali ke NICU.



Kegembiraan yang tidak dapat diungkap dengan kata-kata. Doa yang tidak pernah putus buat Ariq untuk sihat seperti bayi normal yang lain. Kuatlah anakku... Aku yakin Allah akan hadirkan kita pelangi setelah hujan ribut dan badai melanda.....

Nik Noor Afizah Azlan,
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan,
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Terengganu, Malaysia.

Mazlan Mat, Lembaga Hasil Dalam
Negeri Malaysia, Terengganu, Malaysia.

(E-mel koresponden: nikno561@uitm.edu.my)



...bersambung...



BizNewz 2024
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com